



13 JUL, 2025

Pembangunan solar terapung tarik pelabur asing



Berita Harian Ahad, Malaysia

Pembangunan solar terapung tarik pelabur asing

Kuala Berang: Projek Solar Terapung Hibrid Hidro (HHFS) dan Hab Hidrogen Hijau di Terengganu yang dilancarkan semalam, mampu menarik pelabur dari-pada negara serantau dan antarabangsa, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, projek tenaga alternatif baharu, bersih dan hijau hasil kerjasama Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu juga, bertepata dengan aspirasi tenaga hijau yang dipersebutui pada peringkat antarabangsa dan dasar tenaga Malaysia.

"Sekarang, di Kenyir ini adalah pemusatan minat pelabur antarabangsa, bukan sahaja Terengganu, malah Kenyir ini akan menjadi tarikan. Projek ini juga berjaya dilaksanakan dengan baik dan cepat," katanya berucap pada Majlis Pelancaran HHFS

dan Hab Hidrogen Hijau di Terengganu di Stesen Janakuasa Sultan Mahmud di Kenyir; di sini semalam.

Projek HHFS dan Hab Hidrogen Hijau yang dilancarkan itu bertujuan meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam rantaian nilai hidrogen hijau, di samping menyokong Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR).

Hab Hidrogen Hijau adalah kerjasama strategik antara PETRONAS dan TNB, manakala HHFS pula adalah kerjasama antara anak syarikat penjanaan kuasa TNB, TNB Genco Sdn Bhd dan anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu, Terengganu Inc.

Projek perintis HHFS di Empangan Tasik Kenyir mempunyai kapasiti 100 kilowatt (kW) dan meliputi keluasan 1,085 meter

persegi dengan 220 panel solar.

Ia membuktikan Tasik Kenyir seluas 36,900 hektar itu mempunyai potensi besar untuk pembangunan solar terapung, dengan sehingga 10 peratus daripada permukaannya boleh digunakan bagi menjana anggaran 2,200 MW tanpa menjelaskan ekologi tasik.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, projek terbabit juga mempunyai kaitan dengan projek Grid Tenaga ASEAN, yang menjadi inisiatif mega yang akan bermula dengan projek kabel dasar laut menghubungkan Vietnam ke Kota Bharu, Kelantan, sebelum disambung ke grid Semenanjung Malaysia dan seterusnya ke Singapura.

"Maknanya dari Vietnam ada projek kabel bawah dasar laut ke Kelantan dan terpaksa bina grid baru. Grid yang lama dianggap kecil."

BERNAMA



Projek Solar Terapung Hibrid Hidro (HHFS) dan Hab Hidrogen Hijau di Terengganu diluncurkan di Kuala Berang, semalam. (Foto BERNAMA)